


# PERJALANAN 25 TAHUN


## Pusat Sains Negara



9595



Buku ini telah dirasmikan oleh  
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili,  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi  
bersempena  
Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-25  
Pusat Sains Negara  
pada 10 Disember 2011.



# HAK CIPTA

Hak Cipta Terpelihara © Pusat Sains Negara, 2011  
Hak Cipta Fotografi ©  
(Kecuali gambar yang diberikan kredit)

**Diterbitkan oleh**

Pusat Sains Negara  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Persiaran Bukit Kiara  
50662 Bukit Kiara, Kuala Lumpur  
Malaysia

**Dicetak oleh**

Produksi Nur Johan Sdn Bhd  
Lot 18, Kompleks Kilang SME Bank  
Hala Perusahaan Kledang Utara 6  
Kawasan Perusahaan Menglembu  
Kinta 31450 Ipoh, Perak  
Malaysia

Cetakan Pertama 2011

© Pusat Sains Negara, 2011

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Pusat Sains Negara. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

ISBN : 978-967-10954-0-9





# Isi Kandungan

---

Citra Gemilang	8
Galeri	28
Galeri Luar	58
Pameran Bertema	66
Program Pendidikan Sains	84
Program Jangkau Luar	102
Kemudahan dan Fasiliti	110
Cawangan Pusat Sains Negara	118
Penerbitan	128
Keratan Akhbar	132
Wajah-wajah Pusat Sains Negara	138



# PERUTUSAN



Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Jp  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Pusat Sains Negara kerana telah menjangkau usia 25 tahun penubuhannya. Terhasilnya buku 'Perjalanan 25 Tahun Pusat Sains Negara' menjadikannya satu bahan rujukan untuk mengimbas sejarah penubuhan dan kejayaan yang telah dicapai sepanjang tempoh tersebut.

Wacana Malaysia menuju ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020 amat memerlukan modal insan yang berkemahiran tinggi dan berkualiti yang dapat memacu pertumbuhan dan perkembangan negara.

Maka, peranan Pusat Sains Negara amat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran tidak formal dan sebagai institusi untuk meningkatkan minat, kesedaran dan pemahaman masyarakat Malaysia terhadap bidang sains dan teknologi.

Dalam melangkah ke hadapan untuk 25 tahun akan datang, saya yakin Pusat Sains Negara mampu memperkasakan peranannya dengan membina lebih banyak kerjasama dengan pelbagai pihak. Ini termasuk untuk mempergiatkan usaha meningkatkan profil sains di kalangan masyarakat, terutama generasi muda untuk memilih sains sebagai kerjaya.

Saya yakin dengan semangat kerja dan komitmen yang tinggi dari setiap warga kerjanya, Pusat Sains Negara akan terus kukuh melaksanakan amanahnya dengan lebih kreatif dan berinovasi.

Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-25 Pusat Sains Negara.

# PERUTUSAN



Dato' Madinah Mohamad  
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pusat Sains Negara mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam menawarkan pembelajaran tidak formal dan interaktif bagi memupuk serta menyemai minat dan kecintaan rakyat Malaysia terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan dan terancang bagi mempersiapkan negara dengan modal insan yang inovatif dan kreatif, mempunyai tahap pengetahuan dan keupayaan sains dan teknologi yang tinggi serta mempunyai kemampuan dalam mengaplikasikan pengetahuan untuk kemajuan dan kesejahteraan negara.

Sejak ditubuhkan 25 tahun yang lalu, pelbagai program dan aktiviti yang merangkumi pelbagai bidang sains dan teknologi telah dilaksanakan untuk semua lapisan masyarakat daripada pelbagai latar belakang. Dalam masa yang sama, pelbagai usaha dan inisiatif terus digerakkan bagi melengkapkan prasarana dan perkhidmatan yang ada untuk menjangkau lebih ramai masyarakat di seluruh negara. Dengan terbitnya buku 'Perjalanan 25 Tahun Pusat Sains Negara', diharapkan akan menjadi rujukan tentang sejarah penubuhannya dan rentetan peristiwa penting terhadap perkhidmatan dan sumbangan yang diberikan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menetapkan hala tuju dalam pelaksanaan setiap program dan aktiviti penggalakan sains yang dianjurkan oleh Pusat Sains Negara. Selain dari itu, usaha bagi membangunkan kandungan galeri, mempertingkatkan modul dan pendekatan pembelajaran serta melengkapkan kemudahan fizikal dan pembangunan utiliti akan diteruskan bagi mengukuh dan memperkasakan aspek pembudayaan sains serta meningkatkan literasi sains di kalangan masyarakat.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga Pusat Sains Negara di atas sambutan 25 tahun Jubli Peraknya. Teruskan usaha dan semangat tidak mengenal putus asa serta iltizam untuk memberikan perkhidmatan terbaik demi kemajuan dan pembangunan negara.

Sekian.

# Prakata



**Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli**  
Pengarah Pusat Sains Negara

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahun ini genap 25 tahun penubuhan Pusat Sains Negara yang merupakan satu peristiwa penting bagi mengimbas kembali segala sumbangan dan peranan yang dimainkan olehnya. Sambutan Jubli Perak ini juga boleh dijadikan landasan bagi memperkasakan lagi peranan Pusat Sains Negara agar terus berwibawa dalam meningkatkan kesedaran sains di kalangan masyarakat.

Sesungguhnya pencapaian Pusat Sains Negara sehingga ke hari ini telah disumbangkan oleh komitmen berterusan mereka yang terlibat dalam mencorakkan hala tujunya. Pelbagai cabaran yang telah ditempuh dan sudah banyak pengalaman telah divedok yang akhirnya telah menjadikan Pusat Sains Negara lebih mantap lagi terserlah dan berkeupayaan untuk menyesuaikan kedudukannya dalam apa jua situasi yang kritikal bagi melaksanakan mandat yang telah dipertanggungjawabkan. Buku 'Perjalanan 25 Tahun Pusat Sains Negara' mengandungi catatan sejarah pembentukan dan urutan peristiwa yang menyaksikan perkembangan signifikan bagi meningkatkan keupayaan dalam memenuhi ekspektasi masyarakat yang semakin mencabar bersesuaian dengan tuntutan semasa.

Sokongan dan komitmen yang diberikan oleh pihak kementerian telah banyak membantu Pusat Sains Negara menyelusuri onak ranjau demi memastikan kelancaran menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga sokongan sedemikian akan berterusan demi kelangsungan perkhidmatan terbaik untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan berkualiti dan berbakat.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Pusat Sains Negara yang telah bekerja keras bagi memastikan kejayaan majlis sambutan ini. Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-25 Pusat Sains Negara!

Sekian.

Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli  
Pengarah  
Pusat Sains Negara

# Pengarah Pusat Sains Negara



Prof. Dr. Sharifah Barlian Aidid  
1994 - 2000



En. A. Jayanath  
2001 - 2005



Dato' Hj. Azmi Che Mat  
2005 - 2007



Dr. Ab. Rahman Awang  
2007 - 2009



Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli  
2009 - Kini



PUSAT SAINS NEGARA

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Persiaran Bukit Kiara  
50662 Bukit Kiara, Kuala Lumpur  
TEL: 03-20893400 FAKS: 03-20893401

ISBN 978-967-10954-0-9



9 789671 095409